

Program dapat sambutan baik, turut dihadiri peserta luar negara

PROGRAM Halal Masterclass yang julu-julung kali diadakan oleh cabang pembangunan eksekutif Institut Pengurusan Singapura (SIM), Pembangunan Profesional SIM (SIM PD) dan sebuah syarikat swasta mendapat sambutan baik.

Sekitar 70 peserta hadir dalam program itu termasuk ketua syarikat dari dalam dan luar negara seperti Turkey, Jepun dan Korea Selatan.

Ia merupakan inisiatif pertama SIM PD dalam industri halal hasil kerjasama dengan syarikat rundingcara halal swasta, Pure & Good Management (P&G) Pte Ltd.

Program pertama diadakan pada 23 April lalu mengupas topik-topik seperti pemikiran rekaan (*design thinking*), mengeksport produk halal dan perbankan Islam bagi industri halal.

“Kami melihat pentingnya membangunkan keupayaan kepimpinan bagi industri halal yang berkembang. Kami yakin industri ini memerlukan bantuan bagi melahirkan pemimpin dan memupuk keupayaan inovatif bagi firma-firma,” jelas Encik Noor Hayat Khalil, pengurus (Huraian Pembelajaran bagi Pelanggan) SIM PD.

Beliau mendorong kerana program pertama itu menarik lebih ramai peserta dari yang disasarkan dan turut menarik syarikat-sya-



JALINAN HALAL: Penganjur Halal Masterclass di SIM termasuk (dari kiri) Encik Zuraimi; Encik Noor Hayat Khalil, serta salah seorang penceramah dalam acara itu, Encik AB Teoh. – Foto-foto BH oleh KHALID BABA

rikat mapan seperti wakil Select Group, sebuah syarikat katering, di sini.

Sambutan baik itu menunjukkan minat wakil-wakil industri untuk meningkatkan pemahaman mereka mengenai industri halal.

Bahkan, sambutan itu mendorong mere-

ka merancang untuk mengadakan sebuah lagi program Halal Masterclass pada November ini bagi mengupas topik berbeza.

Pengarah Eksekutif P&G, Encik Zuraimi Jumaat, berkata terdapat minat dalam kalangan rangkaian antarabangsa P&G seperti di



ENCIK YEARN HA: Pengarah eksekutif syarikat ternakan haiwan dari Korea ini berharap dapat timba pengetahuan lebih mendalam mengenai industri halal.

Korea Selatan, China, Jepun, Vietnam dan Afrika Selatan untuk membangunkan keupayaan tenaga buruh halal sejagat.

Justeru, program pertama itu menarik pe- niaga dari Turkey, Jepun dan Korea Selatan seperti pengarah eksekutif syarikat ternakan

haiwan Haebara dari Korea Selatan, Encik Yearn Ha.

“Di Korea Selatan, industri halal semakin berkembang kerana ramai pelancong Muslim dari Singapura, Malaysia dan Indonesia yang ke sana. Tetapi, pengetahuan mengenai halal bagi syarikat Korea masih rendah. Saya ingin menimba pengetahuan mengenai industri halal ini dengan lebih mendalam,” tambah Encik Yearn Ha.

Salah seorang penceramah dalam program Halal Masterclass ialah Encik AB Teoh, yang juga perundingcara syarikat Exim Export Import yang menjelaskan langkah bagi syarikat yang ingin mengedarkan produk halal di luar negara.

“Pasaran halal antarabangsa bernilai AS\$1.9 trilion (\$2.6 trilion) dan jumlahnya masih meningkat, lantas terdapat peluang bagi syarikat halal untuk mengeksport produk makanan mereka.

“Syarikat yang ingin mengedarkan produk halal mereka ke luar negara perlu mengetahui peraturan negara itu. Contohnya, mereka perlu mengetahui jika cap halal Muis diterima dalam negara yang ingin dieksport. Mereka juga perlu mempunyai pengetahuan eksport seperti adakah produk itu menerima pengecualian tarif di bawah perjanjian dagangan bebas (FTA),” tambah Encik Teoh.